

Mahathir sifatkan Langkawi sebagai 'lombong emas'

113 10 DEC 1989

LANGKAWI 28 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Pulau Langkawi sebagai "lombong emas" dan menyeru penduduknya berusaha gigih untuk menjadi rakyat yang hidup mewah.

Katanya, penduduk Langkawi mempunyai lebih banyak peluang untuk mencari kekayaan dibandingkan dengan penduduk - penduduk yang tinggal di tempat lain di negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun tidak mahu rakyat Langkawi hanya sekadar bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada kerajaan sahaja kerana pulau itu memiliki kekayaan alam semula jadi dan diberikan taraf bebas cukai, tanpa berusaha mencari kekayaan tersebut.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap pada majlis "Sehati Sejiwa, Seia Sekata" di Taman Rekreasi Lubuk Semilang, Hulu Melaka di sini hari ini.

Majlis itu yang dihadiri oleh kira-kira 5,000 penduduk Langkawi adalah sebagai tanda ucapan terima kasih mereka kepada Perdana Menteri dan kerajaan yang membangunkan Langkawi sebagai pulau bebas cukai.

Sumber kekayaan

Turut sama di perhimpunan itu ialah Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Pertanian, Datuk Sri Sanusi Junid dan anggota Exco Datuk Paduka Haji Abdullah Ismail yang mewakili Menteri Besar.

Menurut Perdana Menteri lagi, pada 1956 semasa beliau bertugas di Hospital Daerah Langkawi, penduduk pulau ini hidup dalam keadaan yang amat daif kerana tempatnya tersisih dari pembangunan.

Bagaimanapun, katanya, Langkawi kini boleh disifatkan sebagai lombong emas yang mempunyai sumber kekayaan yang tidak terhingga banyaknya jika penduduk pulau ini bijak memanfaatkan kurniaan Tuhan itu.

Perdana Menteri juga berkata, tujuan membara Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel beristirehat di Pulau Langkawi Oktober lalu ialah untuk memperkenalkan pulau itu kepada dunia luar dengan harapan lebih ramai pelancong melawat ke sini.

Beliau berharap penduduk tempatan dapat memberikan layanan yang baik kepada mereka dan tidak menganggap orang-orang luar sebagai asing.

"Mereka juga berhal menikmati faedah ekoran pembangunan Pulau Langkawi dan janganlah ada penduduk di sini berasa tamak kerana kehadiran mereka menyumbangkan kekayaan kepada orang-orang di sini," kata Perdana Menteri